

## BAB 4

### MAKNA TERSIRAT DI SEBALIK AYAT TANYA.

#### 4.1.PENDAHULUAN.

Dalam bab yang lalu telah dibincangkan dengan teliti jenis-jenis kata tanya, makna dan juga cara penggunaannya di dalam ayat.

Bab ini pula akan menghuraikan secara terperinci persoalan-persoalan yang bersangkutan-paut dengan makna tersirat di sebalik ayat tanya. Makna yang tersirat ini adalah merupakan inti ataupun fokus utama di dalam penggunaan ayat tanya bagi tujuan menyampaikan maksud secara tidak langsung.

Makna yang tersirat yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah makna yang tersembunyi dan terselindung di sebalik lahiriah ayat tanya. Makna-makna ini difahami dengan secara tidak langsung berdasarkan kriteria-kriteria dan andaian-andaian tertentu.

Hakikat ayat tanya ataupun *istifhām*, menjurus kepada makna tersirat yang tersembunyi di sebalik lahiriah ayat menjadi bahan kajian tokoh-tokoh bahasa Arab zaman silam sehinggalah ke zaman moden ini.

Abdul Qāhir al-Jurjānīy, 471 H / 1010 M, membuat ulasan yang sangat menarik semasa membicarakan *istithām inkārī*. Beliau mengaitkan kesan psikologi yang terhasil dalam diri pendengar, iaitu pendengar berfikir, menganalisis dan seterusnya menghayati maksud. ( Abdul Qāhir al-Jurjānīy, 1980, m.s. 150 )

Tedahulu dari itu, Sibawaih, 138 H, seorang tokoh nahu yang terkenal, juga menyatakan dalam kitabnya bahawa *istithām* dalam bayak hai terkeluar dari maksud zahimva dan menjurus kepada maksud tersirat ( Sibawaih, jld. 1, m.s. 326 )

Sesuatu yang pasti di dalam al-Quran, penggunaan ayat tanya, khususnya yang datang dari Allah adalah menjurus kepada makna tersirat bukannya makna tersurat. Ini berbalik kepada sifat kesempurnaan Allah itu sendiri yang wajib dipercayai dengan penuh yakin bahawa Allah Maha Mengetahui dan Maha Suci dari sebarang sifat kekurangan. Semua yang telah berlaku ataupun belum berlaku telah termaktub dalam ilmu Allah semenjak azali lagi semenjak sebelum Allah menciptakan alam ini. ( Muhammad al-Ghazālīy, 1983, m.s. : 88 )

Mana mungkin Allah yang bersifat demikian mengajukan soalan untuk mendapatkan sesuatu maklumat ataupun pengetahuan yang tidak diketahui sebelumnya. Sebaliknya segala soalan yang diajukan itu mengandungi makna tersirat yang hendak disampaikan dengan secara tidak langsung yang bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran dan perasaan pendengar.

Penggunaan ayat tanya dalam bentuk ini adalah sejajar dengan kehendak sistem berkomunikasi yang amat memerlukan kepada proses merangsang emosi dan juga kepelbagaian teknik penyampaian yang bertepatan dengan suasana dan kemampuan pendengar.

#### **4.2. UNSUR-UNSUR DALAM PEMBINAAN AYAT TANYA.**

Memahami makna yang tersirat di dalam ayat tanya memerlukan kepada proses penginterprestasian maklumat secara bersepadu dengan menggabungkan beberapa faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik. Proses penginterpretasian maklumat ini terlebih dahulu berkehendakan kepada kefahaman yang jelas terhadap faktor-faktor tertentu yang menjadi asas kepada pembinaan ayat tanya. Secara amnya faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut :

##### **4.2.1. Bentuk ayat tanya.**

Bentuk ini ialah satu set ujaran yang mengandungi makna pertanyaan sama ada dengan menggunakan kata tanya secara nyata ataupun tanpa menggunakan kata tanya tetapi dengan cara meninggikan nada suara sebelum kesenyapan akhir ayat.

Dalam contoh yang akan diberi di bawah ini, penutur berhadapan dengan situasi yang tidak menyenangkan perasaannya. Situasi di mana seorang anak tidak lagi mengindahkan cakap kedua ibu-bapanya. Sebagai usaha untuk menyedarkan si anak supaya menginsafi perbuatannya si bapa mengucapkan pertanyaan yang berikut ini :

Contohnya : *أَتَعَصِي وَالْبَنَاتِ ؟*

Maksudnya

*Adakah kamu hendak menderhaka kepada kedua ibu-bapa kamu ?*

Dalam ayat ini, unsur yang difokaskan mengalami proses pendepanan dengan didahulukan *fiel mudari* ( *تَعْصِي* ). Proses pendepanan ini membawa erti penumpuan dan pengkhususan terhadap masalah tersebut iaitu masalah menderhaka, dan ia seharusnya diberi keutamaan dalam menginterpretasikan maklumat di dalam ujaran tersebut.

Si anak pada pandangan si bapa seakan-akan tidak mengetahui siapa sebenar kedua ibu-bapanya ataupun sengaja tidak mahu menghormati mereka berdua. Lantas untuk menyedarkan si anak terhadap kesalahannya, si bapa mengajukan soalan yang mengandungi makna mengingkari perbuatannya, yakni tidak sepatutnya melakukan perbuatan demikian. Si bapa dalam ayat di atas bukan ingin mendapatkan jawapan *ya* ataupun *tidak* tetapi seperti yang ditegaskan cuba menginsafkan anaknya.



#### 4.2.2. Makna tersurat dan bentuk luaran ayat.

Makna tersurat ialah makna luaran yang difahami melalui faktor semantik ataupun linguistik, berdasarkan bentuk luaran ayat. Pemahaman makna pada peringkat ini tidak akan melibatkan faktor-faktor bukan linguistik seperti suasana dan konteks ayat.

Berdasarkan contoh di atas makna pada peringkat semantiknya ataupun makna luaran ayat ialah si bapa ingin mendapat jawapan dari si anak sama ada ia ingin menderhaka ataupun tidak.

Makna pada peringkat ini tidak menunjukkan gambaran sebenar yang ingin disampaikan oleh si bapa yang merupakan seorang penutur iaitu melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap tingkah-laku si anak dan mengajaknya supaya menginsafi perbuatannya.

Ini disebabkan oleh proses penginterpretasian maklumat pada peringkat luaran hanya berkisar pada faktor linguistik sahaja dengan tidak menjangkau faktor bukan linguistik yang menjadi pendorong utama terhadap ucapan ini. ( Nor Hashimah Jalaluddin: ms. 22 )

Walau bagaimanapun pemahaman makna pada peringkat semantik ini amatlah diperlukan sebagai usaha awal untuk memahami makna yang tersirat dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian pembinaan bentuk luaran yang menepati ciri-ciri semantik dan pemilihan perkataan yang sesuai bagi menggambarkan makna amatlah penting dan tidak seharusnya dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Sebarang kecacatan pada peringkat ini akan menyebabkan kecacatan pada peringkat berikutnya, dan mungkin ia akan menjadi lebih parah lagi. ( Abdul Qāhir al-Jurjānī, 1980, m.s. : 32 )

Sebenarnya, memang wujud satu jalinan padu antara bentuk luaran ayat dan makna dalaman. Kedua-dua unsur ini berpadu untuk menghasilkan makna yang boleh dinamakan sebagai seni. Tanpa kombinasi ini makna akan menjadi kaku dan tidak dapat berfungsi untuk menghasilkan kesan di dalam diri pendengar.

Dalam konteks pembinaan bentuk luaran ayat, ramai tokoh-tokoh bahasa silam di kalangan Arab Islam memberi komen masing-masing. Sebagai contohnya, al-Jāhiz ada menyebut bahawa *makna boleh didapati di mana-mana dan boleh difahami oleh orang atasan dan bawahan, sebaliknya pembentuk binaan luaran seperti pembinaan bait syair, pemilihan perkataan dan gaya persembahan merupakan perkara yang sangat penting*. ( Al-Jāhiz, 1975, jld. 3, m.s. 40 ).

Dalam ungkapan al-Jāhiz yang tersebut, jelas menunjukkan soal pembentukan ayat amat diberi perhatian oleh golongan pro makna seperti al-Jāhiz, dan para penyair seperti Abu Tammām dan al-Buhturī.

Menurut pandangan mereka, bentuk luaran sangat berfungsi untuk mewujudkan satu suasana yang dapat menarik perhatian pendengar seterusnya merangsangnya untuk menyelami makna maksud.

Walaupun bagaimanapun golongan ini tidak mengenyahkan sama sekali soai makna dalaman yang menjadi inti sesuatu pengucapan, cuma keutamaan diberi pada soai luaran. Mereka mengumpamakan binaan luaran yang asasnya merupakan pemilihan kata-kata dalam gaya persembahan yang tertentu seperti pakaian yang indah yang dapat menampilkan imej pemakainya.

Dalam konteks ini sering kedapatan makna yang indah menjadi tercemar dan tidak menonjol kerana kehodohan bentuk luaran dan keadaan sebaliknya berlaku di mana makna yang tidak seberapa, menjadi pujaan ramai kerana penampilannya dengan gayanya yang memikat hati pendengar. ( Muhammad Ghaniy Hilal, m.s. 244 ).

#### 4.2.3. Makna tersirat dan bentuk dalaman ayat.

Makna tersirat ialah makna yang difahami secara tidak langsung melalui perantaraan makna tersurat ataupun melalui binaan luaran ayat. Kombinasi di antara faktor linguistik dan bukan linguistik memungkinkan si pendengar menyelami makna sebenar yang tersembunyi seperti mana yang dihayati oleh penutur.

Contohnya, seperti ayat berikut ini :

( أَتَرِيدُ أَنْ نَكُونَ شُرَكَاءَ الْفِتَنِ ؟ )

Maksudnya :

*Adakah kamu hendak menjadi penagih dadah ?*

Dalam contoh di atas penutur ingin menasihati rakannya ( pendengar ) agar tidak terjebak dalam kancuh penagihan dadah. Bahaya ketagihan dadah sememangnya diketahui umum, tetapi disebabkan kelekaan, tidak ditegur dan tidak dinasihati, pendengar seolah-olah terlupa tentang bahayanya dadah.

Penutur bimbang pergaulan bebas pendengar ( rakannya ) yang tanpa batasannya dengan penagih dadah akan mengheret pendengar untuk terlibat dalam gejala ketagihan dadah. Penutur ingin menasihati pendengar agar menjauhi golongan penagih. Nasihat untuk menjauhi dadah disampaikan dengan menggunakan gaya pertanyaan.

Pendengar dapat menyelami makna nasihat supaya menjauhkan diri dari gejala dadah yang tersemat di sebalik lahiriah ayat dan bukan pertanyaan sama ada mahu atau tidak. Suasana dan konteks ayat membantu pendengar untuk menyelami perasaan tidak puas hati penutur terhadap tingkah-laku pendengar yang disampaikan dengan cara simbolik.

Makna menasihati yang dimaksudkan ini tidak terhasil dengan jawapan *ya* atau *tidak* malahan, memerlukan satu penginterpretasian maklumat secara bersepadu dalam diri pendengar.

#### 4.2.4. Konteks dan kesan konteks.

Konteks adalah sejumlah andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir. Konteks juga dapat melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, pengalaman, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Kesemua ini memainkan peranan dalam dalam menginterpretasikan maklumat. ( Speber dan Wilson, 1986, m.s. 15 )

Pemadanan antara maklumat yang diberikan dengan konteks sangat penting kerana jika salah penyesuaian antara kedua-duanya menyebabkan maklumat itu disalah anggap. Dengan itu akan terbentuklah kekeliruan yang mengakibatkan pendengar gagal memahami maksud sebenar si penutur. Bagi mengelakkan kesalahfahaman, konteks mestilah serupa dengan apa yang hendak disampaikan oleh penutur.

Pendengar akan menggabungkan atau memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awalan yang sedia ada bagi menghasilkan kesan konteks. ( Nor Hashimah Jalaluddin; 1992 , m.s 34 )

Contohnya seperti ayat berikut ini :

( ۹۱۵ ع۱۵ ع۱۶ )

Maksudnya :

*Kamukah yang melakukan perkara ini ?*

Dalam ungkapan di atas penutur ingin mencela pendengar yang melakukan satu perbuatan terkutuk. Pendengar mempunyai kepercayaan bahawa perbuatan terkutuk yang menyalahi nilai agama dan adat resam perlu dihindari. Cuma kerana ketiadaan nasihat dan tindakan menghukum seperti melalui celaan yang dibuat, menyebabkan pendengar lalai dan memandang ringan perbuatannya itu. Soalan yang diajukan itu dapat menyedarkannya supaya menginsafi perbuatan yang terkutuk itu. Ini adalah konteks yang menjadi latar belakang kepada ayat pertanyaan di atas.

Andaian awalan yang ada pada diri pendengar dinamakan kesan konteks. Pendengar mengandaikan si penutur bukan sekadar bertanya, tetapi ingin menyampaikan mesej tersirat dengan cara yang dapat menarik perhatian dan menyentuh perasaannya.

Pendengar dalam soal ini dapat memadankan konteks yang menjadi latar belakang pertanyaan itu dengan apa yang dimaksudkan oleh penutur. Penutur juga dapat memilih konteks yang sepadan dengan apa yang ada dalam diri pendengar.

Kesimpulannya, dalam hubungan ini pendengar seharusnya cepat membuat keputusan untuk menentukan makna maksud dari pengucapan penutur, kerana ayat mengandungi dua makna yang berbeza; makna hakiki iaitu sekadar bertanya dan makna *majāzī* (tersembunyi) bertujuan mencela umpamanya. Seterusnya pendengar akan mengetahui makna *majāzī* yang dimaksudkan oleh penutur berdasarkan dalil konteks yang sedia wujud. Mengenalpasti makna pada peringkat ini tidaklah merupakan perkara yang sukar kerana persoalannya melibatkan dua perkara yang ketara berbeza (hakiki dan *majāzī*). (Ibnu al-Athir, t.t., m.s. : 71)

#### 4.3. ALIRAN PEMIKIRAN BERHUBUNG BENTUK LUARAN DAN BENTUK DALAMAN.

Persoalan di mana letaknya nilai seni sesuatu ayat itu merupakan persoalan yang menarik perhatian ramai tokoh bahasa Arab semenjak zaman dahulu sehingga sekarang. Rata-rata tokoh bahasa Arab memberi pandangan masing-masing dengan mengemukakan hujah-hujah untuk menegakkan pendapat masing-masing dan mematahkan hujah lawan.

Semasa berhujah mereka cuba memperjelaskan nilai seni sesuatu ayat berdasarkan kefahaman mereka, sama ada nilai seni sesuatu ayat itu dikira pada lahiriah bentuk binaan ayat, pada makna dalaman ataupun pada kedua-duanya sekali. Di dalam perbincangan berikut ini dibentangkan pandangan-pandangan mereka serta pendapat-pendapat yang paling tepat di dalam menentukan nilai seni sesuatu ayat.

#### 4.3.1. Aliran Pro Makna .

Menurut Aliran Pro Makna, sesuatu hasil sastra ataupun penulisan puisi akan dinilai berdasarkan keluhuran makna yang dipaparkan. Seandainya makna yang dipaparkan itu sesuatu yang indah, luhur dan mempunyai hikmah, maka sesuatu hasil sastra itu akan dinilai sebagai indah dan bermutu.

Jika keadaan sebaliknya, maka ia akan dianggap tidak mempunyai apa-apa nilai seni. Ini kerana makna merupakan matlamat utama yang hendak disampaikan oleh si penutur kepada si pendengar semasa berinteraksi.

Aliran ini menyifatkan bentuk luaran hanya sebagai hiasan luaran ataupun faktor sampingan untuk menonjolkan kemurnian makna. Pakaian yang indah akan bertambah seri dan anggun jika orang yang memperagakannya mempunyai keperibadian yang tinggi. ( Al-Jāhiz; t.t, juz. 3, ms. 131 ).

Salah seorang penyokong aliran ini iaitu Abu Amr̄ al-Syaibānīy seperti yang diriwayatkan oleh al-Jāhiz begitu terpegun dengan keindahan makna bait syair berikut ini sehinggakan meminta seseorang untuk menulis dan mengabadikannya. Baitnya adalah seperti berikut :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الْمَوْتَ مَوْتِي الْبَلَى      فَإِنَّمَا الْمَوْتُ سُؤَالُ الرَّجَالِ



كَلَّا هُمَا مَرْتٌ وَلَكِنَّ ذَا أَفْطَعُ مِنْ ذَلِكَ لِذَلِكَ السُّؤَالِ

Maksudnya : *Janganlah kamu menyangka mati itu, bila sampai ajalnya*

*Sesungguhnya mati itu, apabila seseorang meminta*

*Kedua-duanya merupakan mati, tetapi meminta*

*lebih dahsyat dari mati kerana kejinya perbuatan meminta*

Golongan pro makna menganggap bait syair ini mempunyai nilai seni yang tinggi. Keindahannya terserlah melalui paparan makna yang luhur yang tersemat dalam coretan perkataannya. Bagi mereka makna merupakan kayu ukur di dalam menilai hasil sastera.

Walaupun begitu, golongan yang menyokong aliran ini tidaklah menaikan sama sekali peranan dan sumbangan bentuk luaran di dalam melahirkan hasil sastera yang mempunyai nilai kesenian yang tinggi, cuma bagi mereka soal makna perlu diberi keutamaan yang sewajarnya. ( Muhammad Ghanimiy Hilāl, m.s. 244 )

#### 4.3.2. Aliran Pro Bentuk Luaran.

Golongan yang menganut aliran ini meletakkan asas untuk menilai sesuatu hasil sastera pada bentuk binaan luarannya. Bagi mereka bentuk luaran yang terdiri dari pemilihan perkataan, teknik persembahan dan juga gaya bahasa menentukan sama ada sesuatu hasil seni itu indah ataupun tidak.

Makna merupakan sesuatu yang serupa dan bersifat sejagat yang ada pada setiap orang. Makna pada peringkat dalaman tidak mempunyai apa-apa perbezaan antara satu individu dengan individu yang lain. Berdasarkan makna yang tidak banyak berbeza dan tidak mempunyai banyak ruang untuk seseorang mempamerkan keistimewaan dan kelainannya dari manusia lain, maka terlalu sukar dan mungkin tidak adil untuk menilai keindahan sesuatu hasil sastera itu berdasarkan bentuk dalaman.

Sebaliknya kemampuan dan kemahiran seseorang penyair itu misalnya, akan terbukti pada pembinaan bentuk luaran yang menjadi perantaraan kepada makna. Makna yang serupa akan menjadi berbeza pada kefahaman pendengar hasil adunan dan olahan bahasa yang menepati ciri-ciri keindahan.

Dengan yang demikian penilaian adalah pada soal bentuk luaran dan bukan pada makna dalaman. Penyair yang berkemampuan ialah penyair yang mampu menyampaikan makna dan perasaan dalaman, dalam bentuk kata-kata yang indah dan mempersonakan pendengar.

Al-Jahiz adalah seorang penyokong aliran Pro Bentuk Luaran dalam menilai hasil sastera. Beliau mengkritik Abu Amru al-Syabānī di dalam bait di atas. Pada pandangan beliau penyair di atas gagal mengungkap apa yang dinamakan syair kerana syair adalah satu bentuk seni kata-kata yang melukiskan luahan perasaan penyair yang berteraskan *wazan*, pemilihan perkataan yang benar-benar melambangkan makna, kelunakan sebutan dan jalinan padu antara satu perkataan dengan satu perkataan yang lain.

Golongan ini membuat satu analogi: tukang kayu tidak boleh dipersoalkan tentang hasil kerjanya berdasarkan mutu dan kualiti kayu, sebaliknya persoalan yang sebenar adalah pada ukiran dan seni ciptaannya. ( Al-Jahiz, t.t, m.s. 159 )

Dalam keasyikan untuk menilai hasil sastera melalui hiasan luaran, kadang kala menyebabkan seseorang tokoh pengkritik sastera itu bersifat agak keterlaluan. Ibnu Khaldun umpamanya mendakwa pemilihan perkataan merupakan titik tolak bagi kehadiran makna dalaman. Hujahnya, makna akan menjadi mudah apabila perkataan yang menjadi acuan kepada makna, dapat dibentuk dengan sempurna.

Dengan yang demikian, orang yang jahil tentang bahasa tidak akan mampu menghasilkan makna dan ia boleh diibaratkan sebagai seorang yang berkeinginan untuk bangun tetapi tidak mempunyai kudrat untuk berbuat demikian. ( Ibnu Khaldun, t.t, m.s. 528 )

Persoalan yang berkisar pada bentuk luaran dalam menilai hasil sastera yang menguasai sebahagian besar pemikiran para pengkritik sastera pada abad ini, sebenarnya merupakan tindak balas semula jadi terhadap aliran pro makna yang menguasai pemikiran para pengkritik sebelum mereka.

Golongan aliran pro bentuk luaran ingin membawa satu pembaharuan terhadap karya sastera yang satu ketika tidak lagi menampilkan hiasan luaran, seolah-olah ia hanya satu unsur sampingan yang boleh ditinggalkan. Sedangkan unsur luaran inilah yang akan menjadi perantaraan utama dan pertama bagi pendengar untuk menyelami makna.

Seandainya hiasan luaran mempunyai nilai keindahan dan dapat menarik minat pendengar untuk mendekatinya, maka makna yang tersirat di sebalik pembinaan perkataan akan dapat difahami dengan mudah dan seterusnya menghasilkan satu keindahan yang hakiki. ( Muhammad Ghanīmi Hilāl, m.s. 251 )

#### 4.3.3. Aliran Bersepadu Antara Lafaz Dan Makna.

Aliran ini melihat keindahan hasil sastera dari bentuk luaran dan dalaman secara bersepadu. Aliran ini muncul dalam abad kelima hijrah dan dipelopori oleh tokoh balaghah yang terkenal iaitu Abdul Qāhir al-Jurjānī. Bagi Abdul Qāhir sesuatu ayat tidak boleh dilihat kepada perkataan ataupun makna secara berasingan kerana kedua-duanya merupakan satu unsur yang sudah sehati dan sepadu.

Makna pada pandangan beliau tidak dinamakan makna dalam erti kata yang sebenar selagi mana ia tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk perkataan ataupun lafaz. Begitu juga perkataan tidak akan diungkapkan tanpa melambangkan apa-apa makna. Kedua-dua unsur ini mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan tidak boleh dipisahkan dan seterusnya tidak boleh dinilai secara berasingan.

Dengan itu Abdul Qāhir didapati menyangkal pendapat kedua-dua aliran di atas yang melihat ayat pada lafaz dan makna secara berasingan. Adalah menjadi satu usaha yang sia-sia apabila dinilai pada perkataan sahaja dengan mengabaikan faktor makna, kerana makna mengandungi maksud dan perasaan si penutur yang hendak disampaikan kepada pendengar.

Begitulah sebaliknya apabila dilihat pada makna sahaja, kerana perkataan merupakan lambang dan perantaraan pada makna. Beliau seterusnya menyangkal pendapat Ibnu Khaldun yang mendakwa makna hadir selepas pemilihan perkataan, sebaliknya kedua-duanya wujud secara serentak dalam diri si penutur. Adalah sesuatu yang mustahil, seseorang memikirkan perkataan dahulu kemudian baru memikirkan makna. ( Abdul Qāhir al-Jurjānī, 1980, m.s. 44 )

Kesimpulannya, pendapat Abdul Qāhir dalam soal ini dapat disimpulkan dalam tiga perkara berikut :

- a ) Perkataan merupakan lambang kepada makna. Apabila menulis, seseorang itu bukan semata-mata menghimpunkan perkataan-perkataan sahaja, malah sekali gus menggambarkan makna yang dihayati. Dengan itu keindahan bahasa bukan pada bentuk luaran sahaja, sebaliknya bergantung kepada keupayaan penulis menggambarkan makna dalam bentuk lambang perkataan.
- b) Perkataan dan makna boleh diumpamakan sebagai roh dan jasad. Seseorang semasa menulis puisi ataupun perosa misalnya, tidaklah memikirkan makna dan lafaz secara berasingan, sebaliknya memikirkan kedua-duanya secara serentak. Ini bukan bererti menafikan keistimewaan perkataan dan peranannya dalam hasil seni. Tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah kerja memilih perkataan tidak berlaku secara berasingan tanpa ilham dari makna dalaman.

c) Keindahan yang dimaksudkan dalam konteks ini bukan terserlah pada kata atau makna tetapi pada kemampuan seseorang melahirkan makna yang luhur pada kata yang indah.

Dengan yang demikian jelaslah bahawa keindahan sesuatu ayat itu terletak pada keserasian bentuk luaran dan bentuk dalaman di samping mengambil kira suasana dan konteks yang menjadi latar belakang pengucapan ayat tersebut.

Penilaian ini tidak dapat di lakukan secara berasingan kerana ketiga-tiga faktor ini cukup sebatan binaannya bagi melahirkan satu bentuk ayat yang benar-benar berfungsi di dalam proses berkominikasi. ( Muhammad Zakīyā A'smāwīy, 1994, m.s. 290 )

#### 4.4.KESAN PSIKOLOGI DARI PENGGUNAAN AYAT TANYA UNTUK MAKSUD TERSIRAT.

Penggunaan ayat tanya bagi tujuan menyampaikan mesej tersirat secara tidak langsung ( dalam keadaan tertentu ) sangat memberi kesan kepada diri pendengar. Ini kerana tabiat ayat tanya itu sendiri yang mengandungi ajakan untuk berfikir dan mendorong pendengar untuk mendapatkan jawapan dengan sendiri. Proses ini akan melibatkan segala kemampuan berbahasa dan berfikir yang ada dalam diri seseorang.

Abdul Qāhir al-Jurjānīy berkata ( dalam konteks ayat tanya untuk tujuan mengingkari):  
*ketahuilah sekiranya kita menghuraikan ayat tanya dalam bentuk ini untuk tujuan mengingkari, ianya bermaksud untuk menyedarkan pendengar supaya menilai*

*perbuatannya agar timbul dalam dirinya perasaan bersalah dan rasa terhalang untuk melakukan perbuatan yang tidak diingini itu, dan seterusnya pendengar akan mendapat jawapan dan menjiwai maksud seperti mana yang diingini oleh penutur.*  
( Abdul Qāhir al-Jurjānīy, 1980, m.s.159 )

Terdapat tiga unsur penting dalam pemakaian ayat tanya dalam bentuk ini dan seumpama dengannya iaitu :

- a ) Menarik perhatian dan kepekaan pendengar.
- b ) Menyentuh perasaan dan naluri pendengar.
- c ) Pendengar berfikir dan bertindak balas secara positif.

#### **4.4.1. Proses menarik perhatian.**

Usaha untuk menarik perhatian dan kepekaan pendengar terhadap apa yang hendak disampaikan oleh penutur merupakan tindakan pertama yang harus dilakukan semasa berkomunikasi.

Seseorang akan berada di tahap bersedia untuk menerima maklumat ataupun arahan apabila ia dapat memberi perhatian dan tumpuan fikiran kepada apa yang hendak disampaikan. Seterusnya perhatian dan tumpuan fikiran akan menggerakkan daya fikir

seseorang untuk berikir, menilai dan menganalisis maklumat yang diperolehi dan seterusnya membentuk satu pengetahuan yang konkrit.

Tanpa perhatian dan penumpuan fikiran, maklumat yang hendak disampaikan itu tidak akan sampai ke dalam hati sanubari pendengar. Dengan itu, apa yang disampaikan akan menjadi sia-sia dan tidak berupaya mempengaruhi jiwa seseorang untuk menghasilkan tindak-balas yang diingini.

Seorang kanak-kanak kecil misalnya kurang mempunyai rasa takut dan marah terhadap persekitarannya berbanding orang dewasa disebabkan wujud kadar perbezaan pengetahuan di kalangan mereka berdua hasil dari perbezaan kadar pemerhatian dan kepekaan terhadap alam sekeliling. Manusia akan peka terhadap apa yang dilihat, didengar, disentuh, dirasa dan dihidu. ( Ahmad Izat Rajih, 1966, m.s. 192 )

Dalam konteks ini, ayat yang diajukan kepada pendengar dengan mempunyai kata tanya dan diiringi oleh nada yang meninggi dan kesenyapan di akhir ayat akan berjaya menarik perhatian pendengar untuk memikirkan maksud ayat itu.

#### 4.4.2. Menyetuh perasaan.

Unsur yang kedua yang hendak dibincangkan semasa berlaku proses komunikasi ialah perasaan. Perasaan merupakan satu keadaan di dalam diri manusia yang mempengaruhi tabiat dan tindakan manusia.



Takut, umpamanya satu perasaan yang akan mendorong seseorang untuk mengambil tindakan bagi melindungi dirinya. Pendek kata segala keadaan dan tingkah laku manusia adalah dipengaruhi dan didorongi oleh perasaan yang wujud dalam dirinya.

Perasaan seseorang itu akan tersentuh dan terpanggil apabila berlaku kejutan secara tiba-tiba dan dengan tidak disangka. Begitu juga apabila seseorang itu mendapati niat dan kecenderungannya untuk sampai ke satu matlamat, terhalang ataupun tercapai secara tidak diduga.

Menurut satu kajian, seorang tentera akan berasa sangat gentar di saat menunggu pertempuran kerana ia tidak dapat mengagak apa yang akan berlaku. Tetapi setelah berlaku pertempuran perasaan takutnya mula menurun kerana ia sudah dapat menduga apa yang akan berlaku. ( Ahmad Izat Rajih, 1966, m.s. : 167 )

Perasaan pendengar akan tersentuh dan terangsang dengan maksud ayat tanya yang disampaikan secara simbolik dan halus. Keadaan ini seterusnya akan merangsang pendengar untuk memikirkan tindakan yang sewajar selaras dengan maksud penutur.

Contohnya, seperti dalam ayat berikut :

( أَيْنَ الْمَفَرِّ بَعْدَ هَذَا ؟ )

Maksudnya :

*Ke mana lagi kamu hendak melarikan diri selepas ini ?*

Dalam contoh ini, penutur mengugut dan menakutkan pendengar supaya tidak lagi melakukan perbuatan yang tidak disukai penutur. Ugutan ini berupa ancaman untuk mengenakan tindakan yang boleh menyakitkan pendengar. Ugutan ini disampaikan melalui ayat tanya, setelah penutur mendapati pendengar sudah lagi tidak mempunyai peluang untuk melepaskan diri.

Ugutan ini sangat menyeksakan diri pendengar kerana pada mulanya ia menyangka mampu melepaskan diri dari ancaman penutur. Setelah bergelut akhirnya ia kecundang dan terperangkap dan tidak mampu lagi melakukan apa-apa selain menyerah diri dan mengharap belas kasihan penutur.

Dalam ayat tanya ini, penutur tidak menakutkan pendengar secara langsung dengan kata-kata seperti : *Kamu akan dipukul selepas ini*, sebaliknya ancaman disampaikan secara tidak langsung yang menyebabkan pendengar terpaksa memikir dan ternanti-nanti apakah tindakan yang akan dikenakan kepadanya.

Keadaan yang tidak pasti ini menyebabkan ketakutan terus bermain dan menghantui hati sanubari pendengar.

Secara semula jadi pendengar tidak akan terdorong untuk menjawab dengan perkataan *ya* atau *tidak*, kerana suasana dan konteks ayat tidak menjuruskan ke arah itu.

#### 4.4.3. Pendengar bertindak balas.

Seterusnya pengucapan yang mengandungi maksud secara tersirat dan simbolik ini akan berjaya sampai ke lubuk hati pendengar setelah didapati tiada halangan yang boleh mencabar kewibaaan dirinya.

Pendengar dapat menerima maksud yang tersirat dalam ayat tanya dengan baik dan berkesan kerana pengucapan yang disampaikan oleh penutur mendorongnya untuk menggerakkan seluruh kekuatan pemerosesan maklumat yang terdapat dalam dirinya.

Manusia secara amnya akan bertindak berdasarkan dua kuasa dalam dirinya. Kuasa yang dimaksudkan di sini ialah kuasa kelazatan : iaitu kuasa yang sentiasa menarik manusia untuk memperolehi sesuatu untuk kesejahteraan dirinya, dan kuasa kesakitan : iaitu kuasa yang menggerak manusia untuk melarikan diri dari sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratan pada dirinya. ( Muhammad Qutub, t.t, m.s. 168 )

Dalam konteks ini pengucapan tadi merupakan daya untuk menggerakkan kedua-dua kuasa dalam diri pendengar supaya berfikir semasak-masaknya, merenung perbuatannya selama ini dan seterusnya bertindak dengan penuh kewarasan fikiran untuk mendapatkan kesejahteraan hidup dan menjauhi sesuatu yang boleh mendatangkan kesengsaraan pada dirinya.

#### 4.5. NILAI SENI DALAM AYAT TANYA UNTUK MAKSUD TERSIRAT.

Seperkara lagi yang menarik untuk diperbincangkan dalam konteks ayat tanya untuk maksud tersirat ialah tentang nilai seni yang mewarnai penampilan ayat tanya tersebut.

Nilai seni inilah yang menjadikan ayat tanya tersebut menarik dan indah.

Secara umumnya nilai seni dalam ayat tanya untuk maksud tersirat dapat diukur dan dinilai melalui kesesuaian ayat dengan pemikiran pendengar, menepati kaedah nahu dan juga mempunyai perkataan yang fasih dan terhindar dari *ta'qīd lafzī* dan *ta'qīd ma'nāwī*. ( Mahmud Ahmad Nihlah, 1990, m.s. 30 )

Sesuatu ayat akan menjadi indah dan menarik berdasarkan sejauh mana sesuatu ayat itu memenuhi ciri-ciri keindahan yang disebut tadi. Unsur-unsur keindahan ini akan dapat dirasakan oleh pendengar melalui perasaan dan kemampuan berbahasa yang wujud dalam dirinya.

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, iaitu manusia tidak mempunyai perasaan dan citarasa yang serupa untuk menilai sesuatu keindahan. Oleh yang demikian seharusnya diambil kira keadaan pemikiran dan citarasa pendengar bagi memastikan keberkesanan makna dalam diri pendengar

Penggunaan ayat tanya untuk maksud tersirat jika digunakan dengan betul, iaitu bertepatan dengan kaedah penggunaan bahasa akan dapat menghasilkan ayat-ayat yang mempunyai nilai-nilai seni dan keindahan. Di antaranya adalah seperti berikut :

- a ) Makna yang dilambangkan melalui perkataan dapat dikaitkan antara satu sama lain dalam satu jalinan padu berdasarkan ketepatan penggunaan dari segi kaedah nahu
- b ) Makna menerangkan keadaan yang sebenar dan bersesuaian dengan apa yang hendak digambarkan, tidak melampau ataupun keterlaluan.
- c ) Makna hasil dari proses pengalaman perasaan yang jujur dan tulus bukan sesuatu yang direka atau dipaksa untuk menggambarkan atau memperkatakan tentang sesuatu.
- d ) Makna dipersembahkan melalui daya imiginasi yang tinggi melalui pendekatan-pendekatan yang tertentu secukupnya dengan kemampuan fikiran pendengar. Pendekatan yang dimaksudkan di sini ialah tajuk-tajuk dalam perbincangan ilmu bayān, ma'ānī dan badi'.
- e ) Makna maksud dipersembahkan secara berisyarat ataupun tidak langsung. Ini dalam keadaan tertentu dapat menjadi perantaraan antara dua makna; umpamanya makna yang kasar dilindungi oleh makna luaran yang lembut dan bersantun, menjadikan pendengar tidak keberatan untuk menerima hakikat sebenar.

Nilai seni dan keindahan ayat seperti yang disebutkan tadi merupakan unsur-unsur yang dapat mempesona dan memukau jiwa dan perasaan pendengar, seterusnya dapat

menghasil fungsi bahasa; iaitu sebagai alat untuk menyampaikan maksud dan perasaan dalaman, supaya dapat dikongsi bersama oleh pendengar.